

Personaliti: konsep, kunci dan sumber menurut perspektif Islam

ABSTRAK

Pembentukan akhlak mulia sangat penting bagi mewujudkan personaliti unggul berlunaskan syariat Islam. Memandangkan setiap manusia mempunyai sifat dan tingkah laku personaliti yang berbeza, maka adalah perlu untuk kita menghalusi seterusnya meneliti isu berkaitan personaliti manusia yang pelbagai. Sehubungan itu, penulisan ini membincangkan konsep, kunci dan sumber personaliti menurut perspektif Islam. Realitinya kecetekan dan kurang pemahaman berkaitan trait personaliti sehingga menjadikannya jengkel dalam diri setiap individu telah mengakibatkan wujudnya pelbagai masalah dalam hubungan dan interaksi ke atas kehidupan manusia seharian. Oleh itu, keupayaan dalam mempraktikkan trait personaliti yang konsisten berdasarkan lunas Islam adalah menjadi petanda aras pada suatu penghasilan kerja yang positif. Malah dengan memahami konsep personaliti berpandukan perspektif Islam, kita dapat menikmati kehidupan di dunia dengan lebih baik selain menjadikan hubungan dengan Allah SWT sebagai Pencipta semakin rapat, kuat dan kukuh untuk menuju ke alam akhirat yang hakiki nanti.